

24/06/2002

Diari Jun penuh kejutan, suka duka

JUN ini adalah bulan yang melimpah dengan kejutan dan suka duka. Tidak kira dunia politik, sukan mahupun hiburan, banyak sekali insiden yang tanpa diduga menyentuh hati kita, bukan saja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia.

Dalam bersorak sorai menyaksikan Piala Dunia Fifa 2002 termasuk tumpang gembira dengan kejayaan Korea Selatan dan Brazil yang layak ke separuh akhir, negara dikejutkan dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu meletakkan jawatan!

Syukurlah, Datuk Seri menarik balik keputusan paling dramatik dalam sejarah Perhimpunan Agung Umno itu. Tetapi pagi semalam, kita pula menerima berita sedih Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang kembali ke rahmatullah selepas agak lama tenat di hospital.

Dalam dunia hiburan sendiri, berita sedih turut melanda. Petang Jumaat lalu, saya sempat menghadiri sidang media termahal di Hotel Parkroyal, Kuala Lumpur. Dalam majlis itu saya melihat betapa berseri-serinya wajah Fauziah Latiff (Jee) dan Ziana Zain mengenakan barang kemas daripada jodan dan berlian yang harga satu set saja mencecah sampai RM4.8 juta!

Bagaimanapun, siapa sangka, pada siangnya Jee mengulit-ulit permata termahal, tetapi lewat tengah malam hari yang sama, Jee kehilangan sebutir permata yang tidak ternilai. Ayah Jee, Allahyarham Pak Latiff, menghembuskan nafas terakhir di Hospital Besar Pontian, Johor, kerana sakit jantung. Malah berita sedih itu Jee terima sewaktu menghiburkan wartawan dalam Press Nite di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Menangis-nangis Jee di dalam tandas sebaik saja mendapat SMS mengenai berita itu. Tidak lama kemudian, dia terus bergegas pulang ke Johor menziarahi jenazah ayahnya.

Lebih kurang seminggu sebelum itu, pada 10 Jun lalu, dunia hiburan turut suram dengan kematian Seniman Sepanjang Zaman, Allahyarham Datuk Ahmad Daud yang menghidap penyakit kronik. Tiga hari kemudian, peminat hiburan dan masyarakat pula digemparkan dengan kematian anak Watie-Elite, Allahyarham Adam Roslan, 18 bulan, yang terjatuh dari sebuah kondو di Jalan Ipoh.

Saya difahamkan, dalam upacara pengkebumian yang menjadi tanda tanya tanpa kehadiran si ibu, bayi comel terbabit, Adam, disemadikan bersebelahan pusara arwah Allahyarham Ahmad Daud di Tanah Perkuburan Klang Gate, Selangor. Alhamdulillah, semuanya sudah selamat.

Jadi dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan takziah kepada semua anggota keluarga terbabit di atas kehilangan orang yang mereka sayangi. Diharap mereka yang berkenaan akan tabah menjalani hidup dan semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh mereka yang sudah pergi, Amin.

Seperti yang saya katakan, diari Jun ini merekodkan banyak kejutan. Antara kemelut yang berlaku ialah industri hiburan ialah kegoyahan Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia (Gafim) yang semakin menjadi-jadi. Sesudah Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) menarik diri daripada persatuan induk itu, minggu lalu pula dua lagi badan di bawahnya, Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) dan Persatuan Penerbit Filem Iklan Malaysia (PPFIM), angkat kaki!

Apa sudah jadi dengan Gafim? Adakah semua gejala ini menandakan hari-hari terakhir Gafim yang dulunya gah menganjurkan Festival Filem Malaysia? Sejak saya berada di Cannes, Perancis pada April lalu lagi telinga ini sudah mendengar suara-suara persatuan lain yang tidak puas hati dengan

Gafim.

Balik ke KL, PFM akhirnya mengumumkan penarikan diri itu dan sekarang giliran Seniman dan PPFIM pula. Malah dengar khabar, PFM sendiri yang berminat menganjurkan festival filem kita pada tahun ini kerana mereka persatuan yang paling kaya dalam Gafim dulu. Sejauh mana hasilnya, sama-sama kita tunggu dan lihat.

Di samping itu, soal merebut hak untuk kutipan royalti bagi pihak artis (pelaku) juga meletus. Public Performance Malaysia Sdn Bhd (PPM) dan Performers Artistes Rights (M) Sdn Bhd (Prism), akhirnya menfailkan saman malu terhadap Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan).

Laporan akhbar menyebut, pihak PPM dan Prism mendakwa Presiden Karyawan, Othman Hafsham, membuat kenyataan palsu berhubung kutipan royalti artis menerusi beberapa media cetak.

Menurut mereka, kenyataan itu menuduh PPM memungut royalti jutaan ringgit untuk syarikat rakaman manakala Prism pula menipu artis mengenai royalti menerusi janji-janji palsu.

Nampak gaya, seriusnya pendirian pihak terbabit terhadap isu royalti artis itu akhirnya mengheret isu itu menjadi kes di kamar mahkamah.

Bagi saya, mungkin kalau dari awal lagi ketiga-tiga badan itu duduk berunding di meja bulat dan berbincang dari hati ke hati, tentunya kes berkenaan tidak berlarutan hingga ke saman menyaman. Kita berbalik kepada pepatah Melayu, bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana apa lagi kalau tidak muafakat. Nasi sudah menjadi bubur?

(END)